

13 MAY 1997

TIADA PERTEMBUGAN PERSEFAHAMAN ANTARA KONTRAKTOR UTAMA PROJEK BAKUN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Tiada sebarang pertembungan dalam persefahaman antara pemaju projek hidro Bakun, Bakun Hydro-Electric Corporation Bhd, dengan kontraktor utama, Konsortium ABB-CBPO, kata pengerusi eksekutif Bakun Hydro dan Ekran Bhd, Tan Sri Ting Pek Khiing.

"Jangan membuat sebarang agakan mengenai perkara ini," katanya dalam sidang berita selepas majlis menandatangani perjanjian tanggung jamin antara Bakun Hydro dengan 54 institusi kewangan tempatan untuk menanggung jamin 375 juta saham yang ditawarkan oleh syarikat itu kepada orang awam dengan harga RM2 sesaham hari ini.

Majlis itu turut dihadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Tiada sebarang perubahan dalam persefahaman antara ABB dengan empat syarikat yang lain," kata Ting apabila ditanya mengenai hasrat ABB terhadap proses tender terbuka dalam perlantikan sub kontraktor untuk membantu menggerakkan projek bernilai RM15.5 bilion itu.

Empat syarikat yang dinyatakannya merujuk kepada Wembley Industries Holdings Bhd, PWE Industries Bhd, Pacific Chemicals Bhd dan Granite Industries Bhd yang berada di bawah kawalan Ting.

Beliau berkata tiada sebarang pemberian diserahkan kepada empat syarikat itu tetapi berdasarkan kepada pemahamannya, mereka adalah kontraktor utama bagi bahagian tempatan dalam kontrak Bakun.

Menurutnya, tindakan ABB yang meminta proses tender terbuka adalah satu tindakan normal dengan memberi contoh untuk memeriksa nilai pasaran pekerjaan yang akan dilakukan.

Bagaimanapun, beliau menambah: "Dengan mengadakan tawaran terbuka tidak bermakna kontrak itu akan dapat kepada anda, ia akan diagihkan kepada 2,400 syarikat tempatan yang berdaftar dengan kami."

Kontrak itu bukan milik empat syarikat terbabit tetapi akan diberi kepada 2,400 kontraktor yang berdaftar dengan Ekran Bhd, tambahnya. Ekran adalah pemegang saham terbesar dalam Bakun Hydro.

Menurut Ting, syarikat-syarikat Malaysia sepatutnya diberi sekurang-kurangnya 40 peratus daripada keseluruhan kerja dalam projek itu.

Dr Mahathir berkata sebarang projek yang diusahakan di Malaysia mesti mempunyai penyertaan maksimun penduduk tempatan.

"Apa yang kami mahu lihat adalah kontraktor tempatan memperolehi sejumlah besar daripada kontrak yang disediakan," kata Dr Mahathir. --

BERNAMA

JR ZK/sia